



UTHM anjur seminar bakat lahir pemain softbol

BATU PAHAT 9 Jun - Hampir 70 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan para pelajar sekolah di sekitar daerah ini tidak melepaskan peluang untuk mengikuti Seminar Bakat Sofbol yang diadakan di universiti itu baru-baru ini.

Program anjuran Kursus Kokurikulum Sukan dan Kecergasan, Pusat Kokurikulum UTHM dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat itu dikendalikan penceramah jemputan daripada Persatuan Sofbol Malaysia, Mohd. Hanafi Mohd. Yaasin.

Menurut Pengarah program tersebut, Muhammad Zamir Sumri, seminar yang diadakan secara percuma itu merupakan salah satu projek bagi memenuhi aktiv-

iti yang perlu dilaksanakan dalam kursus berkredit bagi mahasiswa di UTHM.

"Kandungan seminar termasuklah memberikan tunjuk ajar kepada peserta bagaimana untuk bermain Sofbol dengan menggunakan teknik yang betul selain mereka dapat merasai pengalaman baharu di luar bilik kuliah untuk menguruskan program.

"Malah, seminar ini turut meliputi pengajaran teori serta praktikal dan antara aktiviti yang menarik minat peserta adalah kemahiran menangkap dan memukul dengan betul kerana kesilapan kedua-dua teknik tersebut akan mencederakan diri sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Muhammad Zamir, pro-

gram tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa dan pelajar berdekatan yang mahu mengenali dengan lebih dekat permainan softbol.

"Selain itu, seminar ini lebih berbentuk program amal kemasyarakatan kerana para peserta bukan hanya terdiri daripada mahasiswa UTHM sahaja," ujarnya.

Majlis penutup seminar tersebut disempurnakan Ketua Jabatan Keusahawanan, Daya Usaha, Inovasi dan Sastera Liberal, Prof. Madya Nawawi Jusoh, yang merupakan wakil rasmi Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM.



Seminar ini turut meliputi pengajaran teori serta praktikal dan antara aktiviti yang menarik minat peserta adalah kemahiran menangkap dan memukul dengan betul kerana kesilapan kedua-dua teknik tersebut akan mencederakan diri sendiri."

MUHAMMAD ZAMIR SUMRI
Pengarah Program anjuran Kursus Kokurikulum Sukan dan Kecergasan,
Pusat Kokurikulum UTHM